

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

12. Bolehkah Kerajaan Negeri mohon kepada Kementerian Kewangan untuk permudahkan syarat-syarat MARRIS supaya tidak terlalu "rigid" supaya dibenarkan memanfaatkan peruntukan MARRIS untuk penyelenggaraan jalan-jalan dan parit untuk
- (a) Jabatan Kerja Raya (JKR) membuat pembaikan jalan yang diperlukan untuk keselamatan jalan raya?
 - (b) Dibenarkan untuk naik taraf jalan-jalan kampung supaya tidak jadi licin dan berselut ketika banjir?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan berkaitan syarat permohonan menggunakan peruntukan MARRIS ke Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) untuk dipertimbangkan dan masih menunggu maklumbalas. Antara cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan adalah penambahbaikan skop spesifikasi jalan pada kriteria minimum kategori jalan, skop kerja penyenggaraan yang lebih luas dan efektif iaitu mesra selenggara dan kos efektif, penyenggaraan berkala mengganti saliran, penyenggaraan berkala mengganti perabot jalan, penyenggaraan berkala menyenggara persimpangan jalan dan pemasangan perabot keselamatan jalan baru, di mana cadangan-cadangan penambahbaikan ini telah mengambil kira keperluan pembaikan bagi tujuan keselamatan jalan raya dan naik taraf jalan-jalan kampung supaya tidak licin dan berselut ketika banjir.

Commented [1]: <!--tr>
... <th colspan="2" class="text-
center">02 OGOS 2018</th>
... </tr-->

Bagi makluman Yang Berhormat, perkara ini juga telah dibangkitkan kepada YB. Menteri Kerja Raya semasa lawatan kerjanya ke Pulau Pinang pada 6 Julai 2018.